

**TEKS UCAPAN Y.B. MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA**



**MAJLIS**

**ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2011 DAN  
PERHIMPUNAN BULANAN 1MOT 2012  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA  
DI AUDITORIUM BLOK D8, KOMPLEKS D, PUTRAJAYA**

**PADA 17 APRIL 2012**

## **TEKS UCAPAN MENTERI PENGANGKUTAN**

Yang Dihormati Saudara dan Saudari Pengerusi Majlis

Yang Berhormat Tuan Jelaing Anak Mersat,  
Timbalan Menteri Pengangkutan

Yang Berbahagia Dato' Long See Wool,  
Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan

Yang Berusaha Dato' Yap Kin Sian  
Timbalan Ketua Setiausaha ( Operasi )

Yang Dihormati Puan Ruhaizah binti Mohamed Rashid  
Timbalan Ketua Setiausaha ( Perancangan )

Yang Berusaha Datin Hajah Rohani binti Musa  
Setiausaha Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Ketua-Ketua Pengarah Jabatan dan Agensi di bawah  
Kementerian

Yang Berbahagia Dato' / Datin / Tuan-tuan dan puan-puan Warga  
Kementerian yang saya sanjung sekalian.

## TEKS UCAPAN MENTERI PENGANGKUTAN

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Pertama sekali, terima kasih atas kesudian pihak Kementerian menjemput saya ke Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2011 dan Perhimpunan Bulanan Kementerian bagi bulan April 2012. Saya merakamkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada penerima-penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun 2011 kerana telah berjaya menunjukkan prestasi kerja yang mencapai tahap yang dihasratkan oleh Ketua Jabatan masing-masing. Semoga kesemua penerima anugerah ini akan terus komited dalam meningkatkan prestasi kerja masing-masing demi memartabatkan lagi imej dan kredibiliti Kementerian Pengangkutan, dan seterusnya menyemarakkan lagi semangat semua warga Kementerian Pengangkutan untuk bekerja dengan lebih gigih dan bersungguh-sungguh lagi bagi meningkatkan kecekapan tadbir urus yang baik ( *good governance* ) berdasarkan semangat gagasan 1Malaysia – Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan. Sesungguhnya hasrat murni yang ingin dicapai oleh Perdana Menteri, YAB Datuk Seri Najib Tun Razak adalah untuk membentuk sebuah kerajaan yang mendahulukan kepentingan rakyat dan mengutamakan budaya kerja cemerlang bagi membangunkan Malaysia sebagai sebuah negara maju yang berpendapatan tinggi.

## **TEKS UCAPAN MENTERI PENGANGKUTAN**

Bertepatan juga dengan tema Majlis APC kali ini iaitu **“Transformasi Teras Kecemerlangan”**, warga Kementerian Pengangkutan hendaklah bersama-sama meningkatkan usaha untuk sentiasa cemerlang dengan meningkatkan keupayaan pengetahuan, kreativiti diri dan berdaya saing bagi memastikan penyampaian perkhidmatan dapat dipertingkatkan selaras dengan transformasi total yang dihasratkan oleh YAB Perdana Menteri. Menerusi gagasan 1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan, pelbagai wahana telah direncanakan dengan begitu rapi oleh kerajaan melalui tiga pelan transformasi, iaitu Pelan Transformasi Kerajaan ( GTP ), Pelan Transformasi Ekonomi ( ETP ) dan Pelan Transformasi Politik ( PTP ). Dalam setiap pelan transformasi ini, biarpun penggerak utamanya berbeza, setiap satunya berpusatkan rakyat dan bertunjangkan prestasi, dan ini akan memerlukan komitmen dan sokongan padu daripada seluruh warga Kementerian Pengangkutan untuk memastikan kesinambungan kejayaannya.

YBhg. Dato' / Datin / Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Kementerian Pengangkutan telah turut sama menyumbang ke arah pelaksanaan transformasi tersebut melalui pencapaian-pencapaian yang membanggakan sepanjang tahun 2011. Saya

## TEKS UCAPAN MENTERI PENGANGKUTAN

difahamkan bahawa pada tahun 2011, industri penerbangan awam negara telah menunjukkan perkembangan yang positif dimana jumlah penumpang yang dikendalikan di semua lapangan terbang telah meningkat kepada 65,343,344 penumpang berbanding 59,064,726 penumpang pada tahun 2010, peningkatan jumlah penumpang sebanyak 10.63%. Selain itu, prestasi pergerakan pesawat pada tahun 2011 juga telah meningkat kepada 644,707 pesawat berbanding 628,333 pesawat pada tahun 2010 dengan peningkatan sebanyak 9.31%.

Saya berharap perkembangan seumpama ini akan terus berlaku dan adalah dijangkakan pada tahun ini jumlah penumpang akan terus meningkat kepada 6.6% berbanding pada tahun 2011. Bagi meningkatkan *connectivity* industri penerbangan awam negara, Kementerian Pengangkutan telah mengadakan rundingan udara dengan 15 buah negara pada tahun 2011. Negara-negara yang dimaksudkan adalah Jepun, Bangladesh, Ethiopia, Filipina, Equador, Negara-negara Scandinavia, India, Botswana, Afrika Selatan, Turkmenistan, Macedonia, Iran, Turki, Fiji dan Indonesia. Hasil rundingan ini, Malaysia telah berjaya meningkatkan hak trafik sedia ada disamping mewujudkan dan menambahbaik perjanjian perkhidmatan udara.

## **TEKS UCAPAN MENTERI PENGANGKUTAN**

Hadirin yang dihormati sekalian,

Malaysia telah menjadi ahli International Maritime Organization ( IMO ) semenjak tahun 1971 dan menjadi ahli Majlis IMO bagi kategori C yang dianggotai oleh 20 ahli yang terdiri daripada negara-negara yang tidak diundi dalam Kategori A ( negara-negara yang mempunyai kepentingan terbesar dalam perkhidmatan perkapalan antarabangsa ) dan B ( negara-negara yang mempunyai kepentingan terbesar di dalam perdagangan melalui laut ) tetapi mempunyai kepentingan dalam perdagangan laut atau perkapalan yang mana negara-negara berkaitan akan mewakili kawasan geografi utama dunia semenjak tahun 2005. Malaysia telah berjaya mempertahankan keahlian Majlis IMO tersebut buat 4 penggal berturut-turut dari tahun 2005 hingga 2013. Kejayaan Malaysia mengekalkan kerusi ahli Majlis IMO akan memastikan negara terus aktif di dalam merangka inisiatif dan program IMO. Kejayaan ini seterusnya membantu memelihara kepentingan negara sebagai negara maritim.

Bagi tahun 2011, jumlah bilangan Lesen Perkapalan Dalam Negeri yang dikeluarkan adalah sebanyak 4,953 lesen. Jumlah ini adalah peningkatan sebanyak 0.88% berbanding pada tahun 2010. Jumlah pungutan bayaran lesen juga meningkat 23%

## **TEKS UCAPAN MENTERI PENGANGKUTAN**

kepada RM5,331,153.17 pada tahun 2011 berbanding RM4,324,291.70 pada tahun 2010. Sejumlah 20.17 juta TEUs kontena telah dikendalikan oleh pelabuhan-pelabuhan Malaysia berbanding 18.41 juta TEUs pada 2010 iaitu peningkatan sebanyak 9.6%. Pertumbuhan yang menggalakkan ini melepasi unjuran kendalian kontena pada tahun 2011 yang dianggar sebanyak 19.69 juta TEUs.

Saya difahamkan juga bahawa Pelabuhan Klang telah berjaya meningkatkan kedudukan sebagai pengendali pelabuhan kontena tertinggi di dunia di tangga ke-12 bagi tahun 2011 berbanding di tangga ke-13 pada tahun 2010 manakala Pelabuhan Tanjung Pelepas juga berjaya mengekalkan kedudukan di tangga ke-17. Syabas saya ucapkan kepada kedua-dua syarikat operator berkenaan.

YBhg. Dato' / Datin / Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Kementerian Pengangkutan telah diberi mandat mengetuai Jawatankuasa Pengangkutan bagi Orang Kurang Upaya ( OKU ) di bawah Majlis Kebangsaan bagi OKU yang dipengerusikan oleh YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ( KPWKM ) untuk melaksanakan beberapa inisiatif bagi

## TEKS UCAPAN MENTERI PENGANGKUTAN

memastikan mutu perkhidmatan kepada golongan OKU dilaksanakan dengan jayanya. Pelaksanaan inisiatif ini turut melibatkan kerjasama daripada beberapa agensi termasuk Jabatan Pengangkutan Jalan ( JPJ ), Syarikat Prasarana Negara Berhad ( SPNB ), Keretapi Tanah Melayu Berhad ( KTMB ) dan Malaysia Airport Holdings Berhad ( MAHB ). Di antara inisiatif yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2011 adalah melibatkan pembelian 470 unit bas bercirikan *Universal Access* untuk digunakan di sekitar Lembah Klang oleh SPNB, pembelian 85 unit *Portable Ramp* oleh KTMB untuk kegunaan di KTM Komuter dan KTM Inter City, menaiktaraf 5 set tandas yang mesra OKU di Balai Pelepasan KLIA oleh MAHB, pelaksanaan Audit Akses di KLIA dan LCCT bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan adalah bercirikan *Universal Access* oleh MAHB serta memuktamadkan Garis Panduan Bas *Universal Access* oleh JPJ.

Selain daripada itu, beberapa projek menaiktaraf kemudahan di 24 buah Stesen LRT Aliran Ampang dan 10 buah Stesen KTM Komuter supaya mesra OKU juga sedang dilaksanakan secara berperingkat sejak tahun 2011 dan kesemua projek ini dijangka siap sepenuhnya menjelang akhir tahun 2012.

Hadirin yang dihormati sekalian,



## TEKS UCAPAN MENTERI PENGANGKUTAN

Saya difahamkan bahawa Projek Landasan Berkembar Elektrik (PLBE) Seremban Gemas bagi projek Sektor Seremban- Sg Gadut, telah berjaya disiapkan pada 30 April 2011 dan mula beroperasi pada 14 Mei 2011. Pembesaran Lapangan Terbang Kuching ( Fasa 1 & 2 – Pembesaran Bangunan Terminal, Parking Apron dan Pemanjangan Landasan) juga telah berjaya disiapkan pada 14 Mei 2011 dan mula beroperasi pada 14 Mei 2011. Kejayaan ini memberikan impak yang besar kepada pengguna, sekaligus dapat mempertingkatkan perkhidmatan mod pengangkutan kepada rakyat.

Sidang hadirin yang dihormati,

Sepanjang tahun 2011, inovasi dalam pengurusan kewangan telah dilaksanakan melalui Penilaian Kendiri ( *self-assessment* ) Pengurusan Kewangan di mana Unit Audit Dalam ( UAD ) telah menyediakan Borang Penilaian Kendiri Pengurusan Kewangan bagi menilai tahap pematuhan terhadap pengurusan kewangan di setiap Pusat Tanggungjawab ( PTJ ) dan Pusat Kos ( PK ) dan membantu UAD MOT untuk membuat perancangan bagi pemilihan sampel PTJ / PK. Selain itu, boleh membantu meningkatkan akauntabiliti pengurusan kewangan

## TEKS UCAPAN MENTERI PENGANGKUTAN

keseluruhannya untuk Kementerian Pengangkutan. Melalui inovasi ini, UAD telah dianugerahkan Tempat Ketiga dalam Pertandingan Inovasi Peringkat Kementerian Pengangkutan Malaysia Tahun 2011.

Bagi peringkat awal penilaian, ianya hanya melibatkan beberapa PTJ sahaja yang telah dipilih dalam Rancangan Audit Tahun 2011 iaitu sebanyak 20 buah PTJ. Penilaian telah dibuat antara bulan Oktober dan November 2011. Penilaian ini masih diteruskan pada tahun 2012 dan beberapa penambahbaikan yang dilakukan antaranya ialah membangunkan Sistem Penilaian Kendiri Pengurusan Kewangan ( SPKPK ) iaitu proses mengautomasikan Borang Penilaian yang diedarkan secara manual ke dalam bentuk digital dan borang diisi secara *online* dan dinilai secara *online*.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Saya berharap agar majlis ini menjadi kayu pengukur kepada pencapaian dan cabaran kepada warga Kementerian Pengangkutan untuk bersaing dengan lebih mencabar di dalam skop yang positif. Semoga ianya akan meningkatkan semangat, kerjasama dan keikhlasan kita semua dalam memenuhi amanah dan tuntutan kepada agama, bangsa dan Negara. Walau

## **TEKS UCAPAN MENTERI PENGANGKUTAN**

secanggih mana pun teknologi dan peralatan yang digunakan dalam tugas seharian tidak akan menjamin perkhidmatan yang berkualiti sekiranya ia tidak disertai dengan sikap positif dan komitmen yang bersungguh-sungguh dari warga Kementerian. Oleh itu, majlis seperti ini diharap dapat menyedarkan semua yang hadir bahawa kecemerlangan sesebuah organisasi berada di bahu anggotanya. Peranan dan tanggungjawab ini perlu sama dipikul. Kita perlu sentiasa berusaha untuk meningkatkan tahap perkhidmatan yang disampaikan kepada orang ramai kerana ekspektasi orang ramai terhadap perkhidmatan awam yang telus, memudahkan, cekap dan berkesan adalah sangat tinggi.

Tahniah saya ucapkan kepada kesemua 34 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Kementerian Pengangkutan bagi tahun 2011 daripada segenap lapisan gred dan skim perkhidmatan. Sesungguhnya, penganugerahan ini adalah satu tanda pengiktirafan daripada Kerajaan dan Kementerian Pengangkutan terhadap prestasi cemerlang yang telah ditunjukkan oleh tuan-tuan dan puan-puan sepanjang tahun lalu.

Oleh kerana kuota yang ditetapkan bagi penerima APC adalah 8% dari populasi organisasi, maka pada hari ini juga pengiktirafan diberi kepada pegawai yang memperolehi markah LNPT 90% ke atas dengan pemberian Sijil Prestasi Cemerlang. Saya ucapkan

## **TEKS UCAPAN MENTERI PENGANGKUTAN**

syabas kepada pengurusan tertinggi MOT di atas inisiatif ini.

Sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua warga atas kegigihan serta komitmen dalam melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan kepada kita. Harapan saya agar semua warga dapat meneruskan kecemerlangan ini dan menjadikan Kementerian ini sebagai sebuah Kementerian yang berwibawa, dan seterusnya menjadikan negara ini sebagai sebuah negara yang maju serta berdaya saing.

Tidak dilupakan juga kepada pegawai-pegawai yang telah berkhidmat melebihi 30 tahun dalam perkhidmatan awam. Pengalaman dan pengamatan setelah berpuluh-puluh tahun dalam perkhidmatan tidak mungkin terbalas dengan wang ringgit dan harta dunia. Semoga penerima-penerima anugerah dan warga yang diraikan ini akan menjadi ikon teladan kepada kita semua.

Akhir kata, tahniah sekali lagi saya ucapkan kepada penerima-penerima APC 2011 dan selamat maju jaya.

Sekian, terima kasih.